



**NORHAWA** (no 9) sertai skuad futsal negara.

## Lapan bakat baru ramuan skuad futsal wanita negara

**Kuala Lumpur:** Lapan muka baharu antara 20 pemain disenarai ketua jurulatih skuad futsal wanita kebangsaan, Mohd Fairuz Mohd Noor untuk sesi latihan pusat bagi menghadapi tiga kejohanan besar tahun depan.

Kejohanan itu membabitkan Sukan SEA, Kejuaraan Futsal Wanita AFC dan Sukan Futsal Tertutup Asia.

Lapan pemain berkenaan ialah Nor Faizah Md Akhir (Universiti Malaya), Nurul Hamira Yusma Mohd Yusri (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia), Naziratul Amira Ahmad (Majlis Perbandaran Subang Jaya FC), Fifi Safeena Zainee (PDRM), Hanis Farhana Shamsul Azizan (Felda United), Nur Madihah Nadzari (Kedah), Fadatul Najwa Nurfarahain Azmi (Perak) dan Noorasyiemah Mohd Rashid (Perak).

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dalam kenyataan semalam memaklumkan Fairuz mengekalkan 12 pemain daripada skuad 25 pemain yang meraih tempat keempat Kejuaraan Futsal Wanita AFC yang berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan, tahun lalu.

Kenyataan itu juga memaklumkan Fairuz turut

### SKUAD FUTSAL WANITA KEBANGSAAN

#### SENARAI PEMAIN

##### MPSJ FC

Nur Shazreen Munazli, Fatin Shahida Azmi dan Naziratul Amira Ahmad

##### SELANGOR

Zur'ain Kamarudin, Sity Norazizah Jamal dan Nur Izzati Khairudin

##### PDRM

Fifi Safeena Zainee

##### PERAK

Fadatul Najwa Nurfarahain Azmi, Noorasyiemah Mohd Rashid dan Nur Aisyah Mohd Tahir

##### FELDA UNITED

Nurul Atiqah Zalfulizan, Farahiyah Muhd Ridzuan, Norhawa Md Yasin, Hanis Farhana Shamsul Azizan, Farah Najihah Abdul Aziz dan Siti Noor Halimi Hussain

##### UTHM

Nur Madihah Nadzari dan Nuralin Syafika Omar (Kedah), Nor Faizah Md Akhir (UM) dan Nurul Hamira Yusma Mohd Yusri

menyenaraikan lima pemain dalam senarai menunggu sekiranya ada di antara 20 pemain berkenaan mengalami kecederaan.

Lima pemain itu ialah Zawani Nisha Habib Rahman (FELDA United), Noor Asyikin Mohd Noor (FELDA United) Nur Syuhada Kamalrudzaman (MPSJ FC) Siti Asnidah Zamri (Selangor) dan Farina Amira Amir (Negeri Sembilan).

Kesemua 20 pemain berkenaan akan melaporkan diri untuk sesi latihan pusat di Wisma FAM, hari ini. - BERNAMA

### FAKTA

Fairuz mengekalkan 12 pemain daripada skuad 25 pemain